

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
(KANGAR)**

NO. SOALAN : 91

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan statistik tahunan antara 2000-2016 mengenai perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terutama bilangan syarikat mengikut sektor atau industri, bilangan pekerja mengikut kategori umur atau jantina dan berapakah bajet setiap tahun yang diagihkan untuk projek industri kecil dan sederhana (IKS) bagi setiap negeri.

Jawapan :

Tuan Yang Dipertua,

1. Berdasarkan Laporan Banci Ekonomi 2011: Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana (bagi tahun rujukan 2010) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat sejumlah 645,136 PKS yang mewakili 97.3% daripada jumlah keseluruhan pertubuhan perniagaan di Malaysia (Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005: 548,267 pertubuhan PKS).

2. Majoriti daripada jumlah PKS ini merupakan perusahaan mikro iaitu sebanyak 496,458 (77%), diikuti perusahaan bersaiz kecil sebanyak 128,787 (20%) dan perusahaan bersaiz sederhana sebanyak 19,891 (3%). Kebanyakan PKS di Malaysia adalah dari negeri Selangor

(19.5%) dan WP Kuala Lumpur (13%), diikuti oleh Johor (10.7%) dan Perak (9.3%).

3. Dari segi peratusan mengikut sektor pula, majoriti PKS adalah dalam sektor perkhidmatan iaitu sebanyak 580,985 (90%) diikuti sektor pembuatan 37,861 (5.9%), pembinaan 19,283 (3%), pertanian 6,708 (1%) serta perlombongan dan pengkuarian 299 (0.1%).

4. Pada tahun 2015, PKS telah menyumbang sebanyak 36.3% kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) berbanding kurang daripada 30% pada tahun 2005, sementara sumbangan guna tenaga meningkat kepada 65.5% (2005: 56.8%) dan sumbangan eksport meningkat kepada 17.6% (2005: 16.4%).

5. Sementara itu, berdasarkan Banci Ekonomi 2011, jumlah pekerja PKS adalah sebanyak 3,669,259 orang. Bagaimanapun, laporan tersebut tidak mengandungi maklumat mengenai bilangan pekerja mengikut kategori umur atau jantina. Untuk makluman, Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Banci Ekonomi 2016 bagi tahun rujukan 2015 yang bertujuan mengemaskini statistik profil PKS merentas pelbagai sektor. Laporan terkini Banci tersebut akan digunakan untuk menghasilkan statistik PKS dan akan diterbitkan secara berperingkat mulai bulan Jun 2017.

Dari segi bajet tahunan, pecahan agihan untuk pembangunan PKS oleh pelbagai kementerian dan agensi adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Program	Peruntukan / Perbelanjaan (RM 'juta)	Jumlah Penerima Manfaat (PKS)
2011	183	4,677.04	681,263
2012	139	7,060.55	433,009
2013	157	11,992.59	887,581
2014	162	9,936.22	569,511
2015	170	8,138.97	593,008
*2016	152	7,335.13	484,216

* Anggaran 2016

* Sumber daripada Laporan tahunan SME Integrated Plan of Action (SMEIPA)